

Stesen TV wajar laksana tanggungjawab moral

B-H 30/9/07 M/S 12

Oleh Dr Mohd Sani Badron

MASYARAKAT maju harus memiliki sifat kritis dalam memberi penilaian dan menghargai institusi sosialnya. Tambahan pula negara kita merangka pembangunan modal insan, yang seharusnya seimbang dan serba merangkumi dari aspek jasmani dan pekerti membawa kepada kemajuan akal dan budi warganya.

Dalam masyarakat berteknologi moden, industri penyiaran umumnya dan televisyen khususnya adalah antara institusi memainkan peranan penting yang amat mempengaruhi cara berfikir dan kehidupan berbudaya.

Hampir setiap anggota masyarakat kontemporari mengisi masa hariannya selama beberapa ketika dengan menonton televisyen. Sebahagian daripada kita, menonton televisyen adalah satu cara mengisi masa rehat yang membebaskan kita daripada penat bekerja.

Malangnya, ada yang membuang masa di hadapan televisyen untuk lari daripada masalah hidup mereka yang sebenar (escapism).

Akhirnya, mereka ketagih budaya ber-

malas-malas yang sukar dicari penawarnya.

Ketagihan terhadap budaya bermalasma-las antara lain akan menyebabkan tumpul pemikiran kritis dan kreatif, dan sebaliknya memanjakan nafsu dengan keseronokan jasariah atau keasyikan bermain-main semata-mata. Ia menyuburkan budaya hidup materialisme dan konsumerisme yang gemar membazir dan mewah serta jenuh memuja kuasa, kemasyhuran dan kekayaan selebriti.

Justeru, masyarakat kita dididik mengenai 'kecelikan media.' Celik media menuntut semua pihak yang berkait dengan industri penyiaran sedar, merenung, berfikir dan memiliki rasa tanggungjawab tulen.

Pertama, penonton adalah kalangan yang paling penting untuk dididik supaya sentiasa sedar dan bijak dalam menilai apa mereka tonton.

Ibu bapa pula perlu secara berhikmah mengawasi dan membimbing apa yang anak mereka lihat. Mereka harus sedar kesan pengaruh televisyen terhadap kanak-kanak sehingga ia pernah digelar *the other parent* oleh seorang pengkaji, Jim Steyer.

Kedua, kerajaan melalui agensi Lembaga Penapisan harus cukup berhemat meny-

ring sebarang rancangan yang asasnya bajat dan jelik yang menggalakkan sifat cabul, carut, fitnah, menghasut, sesat, dan sengaja menyinggung kepercayaan atau amalan agama lain dengan niat untuk menyakitkan hati penganutnya.

Mudarat ingin kita elak adalah jangan sampai nanti penonton dirangsang bahawa jahat dan buruk itu dijadikan elok dan menarik diteladani.

Ketiga, kalangan pengusaha yang menghasilkan dan menyebarkan program televisyen perlu menyedari 'tanggungjawab sosial.'

Dari satu segi, Ikim ingin menggalakkan kalangan rakyat prihatin memikirkan kaedah untuk mengawasi industri televisyen Malaysia.

Sekiranya wajar, mungkin mekanisme serupa Badan Rakyat boleh digerakkan untuk memberikan sumbangan penting dalam memantau kecemerlangan penyiaran di negara kita.

Semua pihak harus memahami dan sepenuhnya bersimpati terhadap dilema perit dihadapi oleh pengusaha industri televisyen. Walaupun semua jenis perniagaan mempunyai matlamat untuk maksimum keuntungan, mahu tidak mahu, pengusaha televisyen sebenarnya turut berada di saf

hadapan dalam melaksanakan tanggungjawab moral terhadap masyarakat.

Justeru, Ikim ingin menggalakkan pengusaha industri penyiaran memiliki tatacara adab diperakui mereka sendiri (self-regulatory code) demi mengatur pelaksanaan ketertiban bermatlamatkan kemaslahatan penonton.

Cabaran pengusaha industri media dan televisyen kita sebenarnya bukan sekadar bersaing meningkatkan kecekapan, daya hasil, keuntungan dan pengaruh antara satu sama lain.

Ia lebih daripada itu dan cabaran hebat adalah untuk memperteguhkan prihatin penonton terhadap golongan kurang bernasib baik, untuk mempertingkatkan kepekaan penonton terhadap kekeliruan moral dan pencemaran alam sekitar, untuk memperkukuh keupayaan bergaul dengan manusia lain dalam hubungan sihat, dan seterusnya untuk memahami kehebatan terjelma melalui alam semesta dan segala keajaiban-Nya.

Dalam bidang yang demikian luasnya, tentu tidak timbul isu kita ingin menyekat kebebasan daya khayal seniman dalam mengkaryakan imaginasi mereka.

Walaupun serba-sedikit televisyen berjaya menjadi saluran maklumat, potensi



GAMBAR HIASAN

jaya menjadi saluran maklumat, potensi besarnya untuk menyalurkan fikiran bernas mengenai isu penting demi kemaslahatan keluarga dan masyarakat kita belum digiatkan pada tahap terbaik.

Sebagai media berpengaruh, tentu munasabah jika kita menuntut institusi televisyen untuk turut berperanan memperkukuh nilai kehidupan penontonnya. Pernahkah mereka yang memegang amanah strategik ini memikirkan mengenai hala tuju dan gerak-kerja rancangan televisyen ke arah mendidik masyarakat?

Apapun pilihan diputuskan oleh ketiga-tiga golongan di atas (penonton, kerajaan, pengusaha televisyen dan peralatan komunikasi) untuk dilaksanakan bakal mempunyai kesan dan pengaruh besar terhadap cita rasa dan nilai hidup masyarakat kita.

Sementara itu, Ikim mengalu-alukan orang ramai mengikuti Seminar Kebangsaan 'Pemeriksaan Televisyen dan Peralatan Komunikasi sebagai Saluran Berkesan dalam Mendidik Masyarakat,' pada 20-21 Mac 2007, di Dewan Besar Ikim, di Kuala Lumpur.

Sesiapa berminat boleh menghubungi Pengurus Program Ikim, Sarina Othman atau Penolong Pengurus Program, Mohd Shohihin Mohamad di 03-62046320/321/322/323 (telefon), sarina@ikim.gov.my/shohihin@ikim.gov.my(emel), atau 03-62046201/62014189 (faks).

Penulis ialah Fellow Kanan, Pusat Ekonomi dan Kajian Sosial, Institut